

22/09/2001

Selesaikan penindasan jika ingin hapus keganasan: Mahathir

ALOR STAR, Jumaat - Malaysia hari ini mengingatkan masyarakat antarabangsa supaya menyelesaikan dulu perbuatan penindasan yang menjadi salah satu punca berlakunya keganasan.

Sambil mengulangi sokongan Malaysia terhadap sebarang tindakan bagi memerangi pengganas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan perbuatan menindas rakyat di beberapa negara seperti Palestin, Iraq dan Chechnya hendaklah diselesaikan jika masyarakat antarabangsa ingin menghapuskan keganasan.

"Kita harus hapuskan segala tindakan menindas rakyat Palestin, Iraq, Chechnya dan lain-lain.

"Apabila tidak ada penindasan seperti ini, baru kita dapat atasi masalah keganasan kerana tindakan memburu pengganas menggunakan senjata saja tidak akan berhasil sepenuhnya selagi perasaan marah di kalangan orang ini masih ada.

"Sebab itu, sementara kita sokong tindakan memburu pengganas dan tidak bersetuju (tindakan) secara ganas untuk jayakan sesuatu perjuangan, kita juga harap tumpuan diberi untuk selesaikan perasaan marah sesetengah orang sehingga sanggup letupkan pesawat yang menyebabkan ramai orang tidak bersalah mati," katanya.

Ketika melancarkan Pelan Tindakan Kedah Maju 2010 (PTKM 2010) di Wisma Darulaman di sini, Dr Mahathir berkata Malaysia juga berharap negara yang tidak bersalah tidak menjadi sasaran dalam usaha memburu dan menghapuskan keganasan.

Di Palestin, kata Dr Mahathir, ramai rakyatnya dibunuh menerusi keganasan secara tersusun dan terancang menggunakan senjata canggih sehingga penduduk negara itu tidak mampu mempertahankan diri.

"Dalam keadaan ini, mereka tidak ada jawapan. Tidak ada cara pertahan diri kerana tidak ada senjata secanggih musuh mereka. Sebab itu kita lihat ada rakyat Palestin letupkan diri... bunuh diri untuk membalas tindakan ganas pihak yang satu lagi.

"Kita tidak sokong tindakan seperti ini...tapi masalah mesti diatasi...sebab-sebab kenapa ada orang ambil tindakan ganas ini mesti diselesaikan," katanya.

Sehubungan itu, Dr Mahathir menjelaskan Malaysia menumpukan pembangunan bukan untuk bermegah, sebaliknya bagi menjamin keselamatan negara supaya tidak ditindas.

Perdana Menteri berkata, banyak negara miskin dipandang hina dan ditindas kuasa asing sehingga mencetuskan kemarahan rakyat dan bertindak balas melakukan keganasan.

Sebab itu, katanya, Malaysia menumpukan perhatian terhadap pembangunan untuk menjadi negara maju menjelang 2020 kerana tidak mahu keganasan berlaku seperti di beberapa negara lain.

"Kita ingin negara maju bukan untuk bangga dan tepuk dada, tetapi kita tahu selagi kita tidak maju, akan ada penindasan sama ada secara terancang atau tidak sengaja.

"Kita tumpukan pembangunan kerana dapat nikmat dan lebih dihormati dan disegani. Inilah cara kita untuk selamatkan kita (daripada penindasan) dan sedikit sebanyak membantu mereka yang tidak bernasib baik," katanya.

Dr Mahathir berkata, serangan ekonomi penyangak mata wang pada 1997 adalah antara ancaman dan penindasan terhadap Malaysia yang berjaya ditangkis berikutan pembangunan dan kemajuan yang dilaksanakan kerajaan.

"Tanpa kekuatan dalaman, mustahil kita dapat tangkis serangan itu. Kita perlu pembangunan secara terancang dan tersusun untuk mencapai matlamat sepenuhnya," katanya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, ada pihak di Malaysia yang suka kepada kemusnahan daripada pembangunan dengan merancang keganasan bagi mencapai matlamat dan perjuangan mereka.

Beliau mengingatkan golongan terbabit bahawa di Malaysia tidak ada sebab untuk menggunakan kekerasan bagi mencapai matlamat, sebaliknya sebagai negara demokratik, mereka boleh menggunakan cara aman menerusi pilihan raya.

Mengenai PTKM 2010, Dr Mahathir meminta semua pihak di negeri ini memberi sokongan dan kerjasama bagi memastikan rancangan berkenaan mencapai matlamat.

Katanya, ahli politik, kakitangan kerajaan dan rakyat perlu berganding bahu dan berusaha sambil mengelakkan amalan politik negatif jika mahu hasrat itu dicapai.

"Kestabilan politik juga amat penting. Jika perselisihan faham dibenar mencemarkan keadaan, sudah tentu ia tidak dapat dijayakan," katanya.

Beliau juga meminta kakitangan kerajaan menghapuskan kerenah birokrasi yang sering menjadi penghalang, selain melengkapkan diri dengan cara bekerja dan pentadbiran secara profesional.

(END)